



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***DAYA HIDUP BAHASA BISAYA SEBAGAI BAHASA ETNIK MINORITI
DI SABAH***

MD. ROSLAN BIN SUHAILIN

FBMK 2020 56



**DAYA HIDUP BAHASA BISAYA SEBAGAI BAHASA ETNIK MINORITI
DI SABAH**

Oleh

MD. ROSLAN BIN SUHAILIN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Doktor Falsafah**

Ogos 2020

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Buat ayahanda dan bonda tercinta,
Jutaan terima kasih atas doa kalian.
Ku hargai segala pengorbanan mu,
Ku ingati setiap pesanan mu,
Sebagai sumber inspirasi kejayaan ku.

Buat adik-beradik dan keluargaku,
Terima kasih atas doa dan sokongan kalian.

Teman dan rakan seperjuangan yang memahami keperitan ini,
Orang perseorangan yang sentiasa di sisi tatkala suka dan duka,
Ku harapkan ikatan kasih sayang dan jalinan persahabatan,
Kekal abadi.
Semuanya amat bererti buat diriku.

Anak labi makan mengecap,
Beri makan kelopak jantung;
Pada nabi saya mengucap,
Pada Tuhan saya bergantung.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

DAYA HIDUP BAHASA BISAYA SEBAGAI BAHASA ETNIK MINORITI DI SABAH

Oleh

MD. ROSLAN BIN SUHAILIN

Ogos 2020

Pengerusi : Prof. Madya Arba'ie Bin Sujud , PhD
Faculty : Bahasa Moden dan Komunikasi

Generasi muda etnik Bisaya semakin kurang menggunakan bahasa ibunda mereka. Kajian ini bertujuan untuk menentukan daya hidup bahasa Bisaya di daerah Beaufort, Sabah. Para peserta ialah 205 pelajar menengah atas (tingkatan 4, 5 dan 6) yang terdiri daripada etnik Bisaya dari tiga buah Sekolah Menengah Kebangsaan. Model daya hidup bahasa dan Teori Balikkan Peralihan Bahasa diaplikasikan dengan menggunakan 9 set soal selidik. Selain itu, pelaksanaan tinjauan dalam kajian ini memanfaatkan Model Tatatingkat Skala Gangguan Intergenerasi dan menganalisis pengetahuan kata bahasa ibunda peserta kajian berdasarkan Senarai Kata Melayu Swadesh. Hasil kajian menunjukkan bahawa pilihan terbaik menggambarkan jumlah peratus bahasa Bisaya sebagai bahasa ibunda dan bahasa Melayu bagi peserta pada hari biasa di sekolah, di rumah dan sewaktu bergaul dengan rakan adalah sebanyak 25% bahasa Bisaya, 75% bahasa Melayu. Bilangan penutur mutlak bahasa Bisaya adalah diklasifikasi sebagai 'Terancam' (6b). Dapatan ini menunjukkan dengan jelas bahawa bahasa Bisaya terdedah kepada adaptasi dan asimilasi bahasa yang lebih dominan. Tahap ancaman daya hidup bahasa Bisaya yang berhubung transmisi bahasa antara generasi tua dengan generasi muda adalah pada Gred 3, iaitu 'Terancam'. Pada tahap ini bahasa itu digunakan oleh kebanyakan generasi ibu bapa dan golongan yang lebih tua. Bagi faktor peralihan dalam domain penggunaan bahasa, peserta memilih Gred 3 'Domain berkurangan'. Bagi domain dan fungsi, bahasa Bisaya digunakan dalam domain rumah dan untuk banyak fungsi, tetapi bahasa Melayu yang dominan telah mula menular ke dalam domain rumah.

Respons terhadap domain dan media baharu jatuh pada Gred 2 'Bertahan', iaitu bahasa Bisaya digunakan di dalam beberapa domain baharu. Ketersediaan bahan untuk pendidikan dan literasi ialah pada Gred 2 yang ditafsirkan sebagai bahan bertulis ada tetapi hanya berguna untuk beberapa ahli masyarakat; bagi yang lain, bahasa itu mungkin ada kepentingan simbolik. Pendidikan literasi dalam bahasa Bisaya bukan sebahagian daripada kurikulum sekolah. Peserta

memilih Gred 4 bagi sikap ahli masyarakat terhadap bahasa mereka sendiri, dan ini menunjukkan kebanyakan ahli masyarakat menyokong pemeliharaan bahasa Bisaya. Jenis dan kualiti dokumentasi bahasa Bisaya adalah pada Gred 3, 'Berpatutan'. Item berkaitan sikap dan dasar bahasa kerajaan serta institusi termasuk status rasmi dan penggunaan bahasa Bisaya adalah pada Gred 4 'Sokongan dibezakan'. Terdapat perbezaan yang jelas dalam konteks bahasa dominan/rasmi dan bahasa yang bukan dominan digunakan. Secara perbandingan, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan bahasa Bisaya kumpulan responden lelaki dengan kumpulan responden perempuan. Model Tatatingkat Skala Gangguan Bahasa Bisaya di Beaufort, Sabah menunjukkan prasyarat lazim bagi bahasa terancam punah meskipun penutur belum beralih ke bahasa lain. Oleh itu, cadangan penyediaan Kerangka Etnolinguistik Revitalisasi Bahasa Bisaya di daerah Beaufort, Sabah, harus dilaksanakan oleh Agensi Pembangunan Bahasa Kementerian Pendidikan Malaysia. Keutamaan ialah projek perintis yang menjadi asas untuk menilai program pemeliharaan untuk bahasa-bahasa lain dalam program seterusnya.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE VITALITY OF BISAYA AS A MINORITY ETHNIC LANGUAGE
INSABAH**

By

MD. ROSLAN BIN SUHAILIN

August 2020

Chair : Assoc. Prof. Arba'ie Bin Sujud, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

The use of the Bisaya language as the mother tongue among the younger generation of the Bisaya ethnicity is seemingly decreasing. This study aimed to determine the vitality of the Bisaya language in Beaufort district, Sabah. Participants consisted of 205 upper secondary students (forms 4, 5, and 6) of the Bisaya ethnicity from three national secondary schools. The language vitality model and Language Shift Reversal Theory were applied by using nine sets of questionnaire. In addition, this study utilised the Graded Intergenerational Disruption Scale Model and analysed the participants' knowledge of the native language words based on the Malay Swadesh list. Results showed that the best option reflects the percentage of the Bisaya language used as the mother tongue and the Malay language among the participants on a typical day at school, at home, and while hanging out with friends at 25% (Bisaya) and 75% (Malay). The absolute number of speakers of the Bisaya language is classified as 'Threatened' (6b). Thus, it is apparent that the Bisaya language is vulnerable to the adaptation and assimilation of the more dominant language. The endangered level of the Bisaya language vitality in term of intergenerational language transmission between the older and younger generations is at Grade 3, i.e. 'Endangered.' At this level, the language is used mostly by those in the parental age and older. For shifts in the domains of language use factor, the participants indicated Grade 3, i.e. 'Dwindling domain'. As for domain and functions, the Bisaya language is used in the home domain and for many functions, although the more dominant Malay language has begun to penetrate the home domain.

Responses to the new domains and media were categorised in Grade 2 or 'Coping', that is, the Bisaya language is used in some new domains. The availability of materials for language education and literacy is in Grade 2, which is interpreted as 'availability of written materials', but ones that are probably useful for some members of the community only; whereas for others, they may have a symbolic significance. The Bisaya language is not a part of the school

curriculum. Meanwhile, the participants chose Grade 4 for community members' attitudes towards their language indicating that most members support the effort in maintaining the vitality of the Bisaya language. The type and quality of Bisaya language documentation are in Grade 3, i.e. 'Fair.' Items related to governmental and institutional language attitudes and policies, including official status and use of Bisaya language, are in grade 4, i.e. 'Differentiated support.' It is crucial to highlight the apparent differences in how the dominant/official language and non-dominant language are used. Nonetheless, the comparison made revealed no significant difference between the Bisaya language knowledge of the male group and the female group. The Graded Intergenerational Disruption Scale Model for the Bisaya language in Beaufort, Sabah, illustrates a standard prerequisite for language endangerment extinction even though the speakers have not yet shifted to another language. Therefore, it is suggested that the Ethnolinguistic Framework for Bisaya Language Revitalization in Beaufort, Sabah, be implemented by the Language Development Agency of the Ministry of Education, Malaysia. Priority should be given to a pilot project that evaluates the preservation programme that serves as a reference or benchmark for other languages in future programmes.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur atas limpahan rahmat, nikmat dan hidayah Allah s.w.t. kerana dengan izin dan kemudahan-Nya, tesis ini telah dapat disiapkan dengan sebaiknya. Tesis ini dapat pengkaji siapkan dengan adanya bantuan dan sokongan pelbagai pihak. Oleh sebab itu, sebagai ungkapan ruadat yang tulus, penyelidik menyampaikan rasa terima kasih yang luhur khusus kepada Profesor Madya Dr. Arba'ie Bin Sujud selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan tesis, Dr. Sharil Nizam Bin Sha'ri dan Dr. Rozita Binti Che Rodi sebagai ahli. Tanpa tunjuk ajar, bimbingan dan bantuan mereka mustahil tesis ini dapat disiapkan dengan lengkap.

Selanjutnya, Ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Syarikat Sedafiat Sdn Bhd yang berpusat di Kota Kinabalu, Sabah kerana membiayai urusan kaji selidik dan kerja lapangan yang berkaitan dengan tesis ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua guru yang telah banyak membantu proses pengumpulan data di lokasi kajian. Penghargaan ini tidak lupa juga untuk semua pengetua sekolah dan para responden yang telah memberikan kerjasama serta sudi menjadi peserta kajian. Penyelidik berdoa dan berharap semoga semua pihak yang telah membantu dengan kebaikan dan ketulusan mendapat balasan dan menjadi ladang amal di sisi Allah s.w.t. Semoga isi tesis ini bermanfaat bagi mereka yang berminat dan sesiapa sahaja yang sudi membacanya.

Sallallahu Alaihi Wassalam.

BERILMU BERBAKTI

Md. Roslan Bin Suhailin
GS46100

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Arba'ie bin Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rozita binti Che Rodi, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbangkan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Md. Roslan bin Suhailin, GS46100

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Arba'ie bin Sujud

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Rozita binti Che Rodi

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Sharil Nizam Bin Sha'ri

JADUAL ISI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SRNARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
2 SOROTAN LITERATUR	18
Pengenalan	18
Pilihan Penggunaan Bahasa dalam Domain Khusus	18
Daya Hidup Bahasa Masyarakat di Malaysia	27
Daya Hidup Bahasa Masyarakat di Luar Negara	36
Perkaitan Sorotan Kajian dengan Penyelidikan Ini	43
Rumusan	45
3 METODOLOGI	46
Pengenalan	46
Reka Bentuk Kajian	46
Kerangka Teori	47
Teori Balikkan Peralihan Bahasa	47
Strategi dari Bawah ke Atas	49
Model Penilaian Daya Hidup Bahasa (UNESCO, 2003)	50
Indikator Daya Hidup Etnolinguistik	54
Kerangka Konseptual	56
Tempat Kajian	57
Populasi dan Pensampelan	57
Profil Responden	58
Kaedah Kajian	59
Tinjauan Lapangan	59
Pendekatan Kajian	59
Pemboleh Ubah Kajian	59
Alat Kajian	60
Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	61
Tatacara Kajian	62
Kajian Rintis	62
Kajian Sebenar	66
Penganalisisan Data	66

	Rumusan	68
4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	70
	Pengenalan	70
	Penggunaan Bahasa Ibunda dalam Domain Kekeluargaan, Pendidikan dan Persahabatan oleh Responden Etnik Bisaya di Daerah Beaufort, Sabah.	71
	Persoalan Kajian 1	73
	Daya Hidup Bahasa Bisaya Berdasarkan Sembilan Kriteria Model UNESCO (2003)	74
	Faktor 1. Bilangan Penutur Mutlak	74
	Faktor 2. Perkadaran Penutur Bahasa Bisaya	78
	Faktor 3. Transmisi Bahasa Bisaya Antara Generasi Tua dengan Generasi Muda	78
	Faktor 4. Trend dalam Domain Bahasa Sedia Ada	81
	Faktor 5. Respons terhadap Domain dan Media Baharu	82
	Faktor 6. Bahan untuk Pendidikan dan Literasi Bahasa	84
	Faktor 7. Sikap Ahli Masyarakat terhadap Bahasa Bisaya	85
	Faktor 8. Jenis dan Kualiti Dokumentasi Bahasa Bisaya	86
	Faktor 9. Sikap dan Dasar Bahasa Kerajaan serta Institusi termasuk Status Rasmi dan Penggunaan Bahasa Bisaya	88
	Persoalan Kajian 2	89
	Tahap Pengetahuan Kata Bahasa Ibunda dalam kalangan Responden Etnik Bisaya yang dikaji Mengikut Gender	89
	Persoalan Kajian 3	98
	Kerangka Etnolinguistik Revitalisasi Daya Hidup Bahasa Bisaya di Daerah Beaufort, Sabah	98
	Indikator Daya Hidup Etnolinguistik	103
	Indikator 1: Potensi untuk berhubung	103
	Indikator 2: Domain bahasa sasaran digunakan	104
	Indikator 3: Kekekapan dan Jenis Alih Kod	104
	Indikator 4: Populasi dan Dinamik Kumpulan	105
	Indikator 5: Rangkaian Sosial	105
	Indikator 6: Tinjauan Sosial	106
	Indikator 7: Prestij Bahasa	107
	Indikator 8: Akses ke Pangkalan Ekonomi yang Stabil dan Boleh Diterima	107
	Ringkasan Markah dan Tafsiran	109
	Organisasi dan Aplikasi IEV	109
	Waspada Semasa Memberi Pemarkahan	110
	Persoalan Kajian 4	111
	Aplikasi Teori dengan Objektif Kajian	112
	Implikasi Dapatan Kajian	116
	Rumusan	120
5	RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN UNTUK PENYELIDIKAN MASA DEPAN	122
	Pengenalan	122
	Ringkasan	122

Kesimpulan	126
Cadangan untuk Mengekalkan Daya Hidup Bahasa Bisaya	127
Cadangan untuk Penyelidikan Masa Depan	129

BIBLIOGRAFI	131
LAMPIRAN	139
BIODATA PELAJAR	155
SENARAI PENERBITAN	156



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
2.1	Bahasa Melayu standard yang digunakan dalam pertuturan seharian oleh generasi remaja di Kuching, Sarawak	21
3.1	Model Tatatingkat Skala Gangguan Intergenerasi (GIDS)	47
3.3	Tafsiran gangguan transmisi bahasa antara generasi	68
4.1	Pilihan bahasa dalam domain khusus oleh responden etnik Bisaya	72
4.2	Bilangan penutur mutlak bahasa Bisaya di Sabah	77
4.3	Perkadaran penutur bahasa Bisaya dalam jumlah penduduk	78
4.4	Transmisi bahasa Bisaya antara generasi tua dengan generasi muda	79
4.5	Trend dalam domain bahasa sedia ada	82
4.6	Respons terhadap domain dan media baharu	83
4.7	Bahan untuk pendidikan dan literasi bahasa	84
4.8	Sikap ahli masyarakat terhadap bahasa Bisaya	85
4.9	Jenis dan kualiti dokumentasi bahasa Bisaya	87
4.10	Sikap dan dasar bahasa kerajaan serta institusi termasuk status rasmi dan penggunaan bahasa Bisaya	88
4.11	Pengetahuan golongan kata responden etnik Bisaya di daerah Beaufort mengikut gender	90
4.12	Tahap pengetahuan golongan kata bahasa ibunda responden etnik Bisaya yang dikaji	96
4.13	Tafsiran Model GIDS	112
4.14	Penilaian status dan daya hidup bahasa Bisaya	114

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.1	Kawasan Bahasa Bisaya di Sabah	2
1.2	Hubungan Kata Kognat Tujuh Kampung Bahasa Bisaya, Dua Kampung Bahasa Tatana dan Dua Kampung Dialek Kadazan Beaufort.	15
2.1	Maklum Balas Diagnostik Faktor Daya Hidup Bahasa	36
3.1	Sembilan Faktor Daya Hidup Bahasa Sesuatu Komuniti	51
3.2	Skop Bahasa Terancam	54
3.3	Kerangka Konseptual	56
3.4	Lokasi Bahasa Bisaya di Beaufort, Sabah	57
4.1	Bahasa Bisaya di Sabah dalam <i>Language Cloud</i>	74
4.2	Skop Bahasa Terancam	75
Graf 4.1	Saiz dan Daya Hidup Bahasa Bisaya di Sabah	76
4.3	Kerangka Etnolinguistik Revitalisasi Bahasa Bisaya di Daerah Beaufort, Sabah.	99

SENARAI SINGKATAN

LSRT	<i>Language Shift Reversal Theory</i>
GIDS	<i>Graded Intergenerational Disruption Scale</i>
EGIDS	<i>Extended Graded Intergenerational Disruption Scale</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
SIL	<i>Summer Institute of Linguistics</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
BA	Bahasa Bisaya
KP	Kuala Penyu
TT	Bahasa Tatana
BT	Beaufort
KN ₃	"Kadazan" mewakili dialek Kadazan Beaufort.
IEV	<i>Indicators of Ethnolinguistic Vitality</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian


Etnik Bisaya di Sabah

Nama etnik Bisaya berasal daripada ungkapan bahasa Brunei 'bisai-yah' yang bermaksud 'betapa cantiknya'. Dalam beberapa cerita rakyat masyarakat Bisaya, ada diterangkan bahawa "bisai-yah" ialah kata seru Sultan Brunei yang terpegun melihat keindahan dan kesuburan dusun buah-buahan dan kebun sayur-sayuran yang diusahakan oleh penduduk peribumi di barat Borneo pada waktu itu (Aminah, 2012: 2). Etnik Bisaya merupakan salah satu kelompok peribumi di Sabah. Etnik Bisaya juga terdapat di Sarawak dan Brunei Darussalam. Dalam konteks negeri Sabah, masyarakat Bisaya dikelompokkan dalam rumpun Dusun kerana pertalian yang begitu erat antara orang Bisaya dengan subkelompok rumpun Dusun yang lain, iaitu dari segi bahasa yang dituturkan dan budaya yang diamalkan. Di Sabah, suku Bisaya merupakan kelompok minoriti dengan anggaran penduduk berjumlah lebih kurang 50 000 orang. Di lokasi kajian, iaitu daerah Beaufort (termasuk Kota Klias dan Gadong), anggaran jumlah etnik Bisaya hanya berjumlah 3, 886 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah, 2015: 14). Namun begitu, jumlah mutlak etnik Bisaya di lokasi kajian tidak dapat diketahui. Penyelidik memperoleh jumlah ini daripada klasifikasi 'etnik bumiputera lain' disebabkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah 2015 tidak menyediakan klasifikasi khusus untuk etnik 'Bisaya'. Meskipun sebagai kelompok minoriti, penglibatan etnik Bisaya dalam pelbagai bidang, sama ada dalam bidang politik, ekonomi dan sosial di negeri Sabah tetap setanding dengan etnik peribumi yang lain. Pada masa kini, masyarakat Bisaya di Sabah beragama Islam. Sebelum kedatangan Islam, mereka mengamalkan kepercayaan animisme yang merupakan amalan penduduk peribumi lain di kepulauan Borneo. Walaupun masyarakat Bisaya di Sabah menganut agama Islam, seperti bangsa Melayu dan suku kaum peribumi yang lain, masih terdapat pengaruh kepercayaan animisme dalam kehidupan, khususnya dalam kalangan golongan tua (Siti Aidah, 2014: 76).

Dalam persekitaran yang heterogen, etnik Bisaya terletak di bawah kelompok masyarakat minoriti. Dunn (1984: 245) berpendapat masyarakat Bisaya yang tinggal di Sabah kebanyakannya di barat pekan Beaufort sepanjang Padas Damit dan Selatan sungai Padas. Mereka juga terdapat di kawasan petempatan dalam daerah Kuala Penyu. Pada asalnya, dari aspek bahasa masyarakat Bisaya di daerah Beaufort, Sabah menggunakan dialek Bisaya semasa berkomunikasi sesama mereka. Bahasa Melayu digunakan untuk berkomunikasi dengan orang yang bukan berketurunan Bisaya. Trend perkembangan

pendidikan yang semakin pesat dan penghijrahan ke bandar menyebabkan sesetengah muda-mudi sudah tidak fasih bertutur bahasa Bisaya.

Secara terperinci, kawasan penyebaran Bahasa Bisaya di negeri Sabah bertumpu di kawasan pedalaman, iaitu di barat Beaufort dengan koordinat geografinya 5° 20' 0" Utara, 115° 45' 0" Timur. Bahasa Bisaya di Sabah tergolong dalam keluarga bahasa Borneo Utara. Lakaran kawasan bahasa Bisaya di Sabah telah diusahakan oleh Dunn (1984: 246) yang pernah menjalankan kajian rintis di Kiligus dan Padas Damit seperti yang tertera pada Rajah 1.1 berikut.



Rajah 1.1: Kawasan Bahasa Bisaya di Sabah
(Sumber: Dunn, 1984: 246)

Petunjuk: BEAUFORT

- Padas Damit
- Sungai Padas Damit
- Padas R (Sungai Padas)
- KUALA PENYU
- Kiaru
- Bundu
- Kiligus
- Klias R (Sungai Klias)

Dari aspek bahasa, Bisaya serumpun dengan kaum Dusun di Sabah, sebaliknya tidak serumpun bahasa dengan kaum Bisaya/Visaya di Filipina, maka adalah tidak betul apabila kaum Bisaya Sabah dituduh berasal dari Filipina yang termasuk dalam kelompok etnik Filipina (Philippines). Secara linguistik, berikut merupakan klasifikasi bahasa Bisaya Sabah dan klasifikasi bahasa Bisaya Filipina yang jelas menunjukkan kedua-duanya kaum yang berbeza :

Bisaya Sabah

Austronesian > Malayo-Polynesian > North Borneo > Sabahan > Dusunic > Bisaya-Lotud.

Bisaya Cebu Filipina

Austronesian > Malayo-Polynesian > Greater Central Philippine > Central Philippine > Bisayan > Cebuan.

Daripada klasifikasi tersebut, Bisaya Filipina berasal dari rumpun "Central Philippine" dari cabang Bisayan/Visayan, sedangkan bahasa Bisaya Sabah dari rumpun bahasa "North Borneo" dari cabang Sabahan dan dari rumpun Dusunic. Etnik Bisaya telah menetap bersama etnik Dusun selama ratusan tahun dan mula menyerap banyak kosa kata dari mereka, maka bahasa Bisaya kini bercampur dengan bahasa Dusun. Hal ini biasa terjadi juga dalam kalangan etnik Dusun yang banyak menyerap kosa kata bahasa Bisaya melalui perkahwinan campur (Harian Ekspres, 2019).

Etnik Bisaya di Sabah beragama Islam dan tinggal di tebing-tebing sungai. Rumah mereka dibina berdekatan-dekatan dan biasanya mereka mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat. Rumah tradisional etnik ini dibina daripada kayu yang kukuh dan ada juga daripada rumbia. Dinding rumah dibuat daripada pelepah rumbia, manakala lantai dibuat daripada kulit rumbia dan atap dibuat daripada anyaman daun rumbia. Rumbia sangat sinonim dengan etnik Bisaya kerana makanan ruji mereka ialah sagu daripada pokok rumbia. Pemilikan tanah rumbia yang luas, sawah padi dan ternakan kerbau yang banyak melambangkan status kekayaan seseorang dalam masyarakat. Ukhuwah antara mereka juga sangat akrab. Sikap bekerjasama dalam apa-apa juga urusan seperti mengerjakan sawah, membuka hutan, membina rumah, persiapan majlis perkahwinan dan kenduri amat kuat. Amalan bergotong-royong dalam kalangan suku ini disebut sebagai *bamuncang*. Masyarakat Bisaya juga mahir menangkap ikan. Mereka menggunakan jala dan bubu jika menangkap ikan di sungai, dan menggunakan pukat jika di laut (Siti Aidah, 2014: 3).

Etnik Bisaya terkenal dengan kemahiran membuat kraf tangan. Mereka membuat pelbagai hasil kraf tangan seperti bubu atau *saliid*, bakul gelas atau *saging*, dan *lasuk* (sikutan). Apabila membicarakan soal budaya dan seni, masyarakat ini terkenal dengan alat muzik kulintangan dan *gambang*. Alat muzik ini dimainkan ketika majlis perkahwinan dan keramaian. *Badaup* pula merupakan seni nyanyian rakyat Bisaya. *Badaup* lazimnya dinyanyikan oleh wanita ketika menuai padi sebagai ritual dalam aktiviti menuai padi untuk menyeru semangat padi agar kerja-kerja penuaian berjalan lancar. Nyanyian ini juga sering dinyanyikan ketika majlis perkahwinan dan keramaian. Seperti etnik

lain, mereka juga mempunyai tarian tradisional. Tarian tersebut ialah *Sayau Liliput*, *Sayau Tumutu* dan *Sayau Bagarus* (Siti Aidah, 2014: 4).

Daya Hidup Bahasa Bisaya

Faktor yang positif dalam penggunaan bahasa Bisaya membolehkan bahasa tersebut berkembang. Sebaliknya, ketidaksetiaan penutur bahasa Bisaya menyebabkan fenomena peralihan bahasa mengancam daya hidup bahasa tersebut. Sesuatu bahasa dapat bertahan lama jika proses transmisi berterusan terjadi dari suatu generasi ke generasi muda (Fasold, 1993: 181). Oleh hal yang demikian, daya hidup bahasa Bisaya ditentukan oleh penutur jati bahasa itu sendiri. Salah satu komponen yang penting dalam usaha mempertahankan bahasa Bisaya di Beaufort, Sabah ialah generasi muda. Kelangsungan bahasa Bisaya boleh diperhatikan menerusi pola penggunaan bahasa generasi muda dalam lingkungan sosial. Mereka merupakan antara indikator utama yang dapat menentukan sama ada daya hidup bahasa Bisaya masih selamat atau berada pada tahap terancam. Gambaran tentang bahasa yang terancam yang membimbangkan di seluruh dunia pernah dikemukakan oleh Lewis & Simons (2009) seperti berikut:

Of the 6,909 living languages now listed in Ethnologue, 457 are identified as Nearly Extinct, a category which represents a severe level of endangerment. Less serious levels of endangerment are not currently distinguished in the Ethnologue. If small speaker population alone were taken as an indicator of language endangerment, the current worldwide count of languages with fewer than 10,000 speakers is 3,524 which amounts to just over 50% of the identified living languages in the world today (Lewis & Simons, 2009: 4).

Terjemahan:

Daripada 6,909 bahasa hidup yang kini disenaraikan dalam Ethnologue, 457 dikenalpasti sebagai Hampir Pupus, satu kategori yang mewakili tahap terancam yang teruk. Tahap terancam yang kurang serius tidak dijelaskan dalam *Ethnologue* pada masa ini. Sekiranya hanya populasi dengan jumlah penutur yang sedikit diambil sebagai indikator bahasa terancam, kiraan semasa bahasa sedunia dengan kurang daripada 10,000 penutur adalah 3,524 yang berjumlah hanya melebihi 50% daripada bahasa hidup yang dikenal pasti di dunia hari ini (Lewis & Simons, 2009: 4).

Selain generasi muda, situasi bahasa dalam masyarakat dwibahasa menyebabkan penggunaan dua bahasa pilihan untuk ahli masyarakat etnik Bisaya. Keadaan ini berlaku terhadap individu atau kumpulan masyarakat itu. Ringkasnya, penggunaan bahasa yang asli memastikan daya hidup bahasa

Bisaya berterusan, manakala dwibahasa dalam kalangan ahli masyarakat ialah indikator peralihan bahasa.

Dalam teori sosiolinguistik, Fishman (1972a) mencadangkan konsep daya hidup bahasa dan diglosia serta hubungannya dengan prestij bahasa variasi Tinggi (*High*) dan variasi Rendah (*Low*). Pautan antara pilihan bahasa dengan Konsep T-R (Tinggi-Rendah) adalah penting dalam kajian daya hidup bahasa Bisaya kerana adanya 'pertahanan' atau 'ketirisan' bahasa yang boleh menyebabkan peralihan bahasa. Peralihan bahasa boleh berlaku apabila sesebuah komuniti secara kolektif meninggalkan bahasa ibunda atau bahasa pertama sepenuhnya kerana memilih bahasa yang lain. Peralihan bahasa yang berlaku berterusan membuka ruang bagi kepupusan bahasa.

Menurut Dressler (1992: 196), kepupusan bahasa biasanya difahami berdasarkan dua tanggapan awal: Pertama, faktor dwibahasa atau multibahasa. Faktor kedua ialah peralihan bahasa kepada bahasa yang lebih dominan. Peralihan bahasa berlaku secara beransur-ansur daripada dwibahasa yang tidak stabil kepada ekabahasa, seterusnya terjadi kepupusan bahasa. Kepupusan bahasa merupakan pengakhiran satu bahasa dalam keadaan kebangkitan bahasa yang dominan mengancam daya hidup bahasa etnik minoriti dari segi demografi, politik, sosial, budaya serta penguasaan bahasa kelompok majoriti yang mengancam kelangsungan hidup bahasa etnik minoriti seperti masyarakat Bisaya di Beaufort, Sabah. Berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Crystal (2000: 20), bahasa Bisaya di Beaufort, Sabah termasuk dalam kriteria 1 bahasa terancam berikut:

1. Bahasa terancam: Secara sosial dan ekonomi tidak menguntungkan, di bawah tekanan berat dari bahasa yang lebih dominan, dan kehilangan awal penutur asli. Sedikit atau tiada kanak-kanak yang belajar bahasa itu dan penutur termuda ialah penutur dewasa.
2. Bahasa sangat terancam: penutur termuda yang menguasai bahasa itu ialah penutur dewasa berusia 50 tahun atau lebih.
3. Bahasa hampir pupus: hanya segelintir penutur, kebanyakannya sangat tua.
4. Bahasa yang pupus: tiada penutur.

Ahli bahasa yang menumpukan perhatian kepada kepupusan bahasa etnik minoriti, terutamanya bahasa di negara-negara membangun, menyimpulkan bahawa sebab utama kepupusan bahasa ialah ibu bapa tidak lagi mengajar bahasa ibunda kepada anak-anak. Mereka tidak aktif menggunakan bahasa itu di rumah mahupun dalam pelbagai bidang komunikasi (Grimes, 2000: 17). Kepupusan bukan kerana penuturnya berhenti bercakap, akan tetapi kebanyakan penutur tidak memilih menggunakan bahasa itu dalam perbualan seharian atau secara bertulis (Landweer, 1999: 1). Kepupusan bahasa juga ditentukan oleh tekanan bahasa kelompok majoriti di kawasan komuniti yang menggunakan pelbagai bahasa. Kebanyakan kajian peralihan bahasa melihat perubahan bahasa dalam situasi masyarakat dwibahasa sebagai titik permulaan kepada ekabahasa yang menyebabkan peralihan bahasa (Romaine, 1995: 40).

Cara lain untuk melihat bahasa Bisaya sebagai bahasa terancam adalah melalui kriteria linguistik kerana dapat mencerminkan fungsi penggunaan bahasa itu dan jenis perubahan struktur yang berlaku dalam masyarakat Bisaya. Bahasa Bisaya terancam kerana penutur bahasa itu semakin merosot dengan fungsinya secara beransur-ansur digantikan bahasa Melayu. Fungsi bahasa Bisaya dalam masyarakat bahasa itu bertentangan dengan konsep bahasa sihat yang menurut Winford (2003: 11) biasanya selalu meminjam daripada bahasa lain.

Pernyataan Masalah

Laporan Ethnologue (2017: 18) mengatakan bahawa bahasa Bisaya di Sabah tergolong dalam kategori Terancam (*6b-Threatened*) yang ditafsirkan sebagai 'terancam. Laporan Ethnologue tersebut selaras dengan hasil kajian rintis yang telah dilaksanakan oleh pengkaji terhadap responden mengikut gender. Pengkaji mendapati transmisi bahasa Bisaya antara generasi tua dengan generasi muda adalah pada gred 3: Memang terancam, yang ditafsirkan sebagai bahasa Bisaya digunakan oleh kebanyakan generasi ibu bapa dan ke atas. Sebanyak 57% responden lelaki dan 56% responden perempuan memilih jawapan ini. Selain itu, perkadaran penutur bahasa Bisaya dalam jumlah penduduk bagi 69% responden lelaki adalah pada gred 3: Memang terancam sementara sebanyak 46% responden perempuan memilih gred 4: Tidak selamat. Hal ini demikian kerana penutur bahasa Bisaya, terutamanya generasi muda beralih menggunakan bahasa yang lebih dominan menyebabkan bahasa ibunda jarang digunakan dalam domain kekeluargaan dan persahabatan'. Peralihan daripada bahasa Bisaya kepada bahasa yang lebih dominan, iaitu bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda berbeza-beza dari satu kampung ke kampung yang lain bergantung pada keupayaan menangani tekanan dari luar dan dalam komuniti tempatan. Menurut Simon & Charles (2018: 1), status bahasa Bisaya di Sabah berada dalam kategori Terancam antara lain bermaksud generasi dewasa menggunakan bahasa Bisaya sesama mereka tetapi tidak diturunkan kepada anak-anak menyebabkan daya hidup bahasa Bisaya tidak stabil. Pada bila-bila masa ibu bapa boleh berhenti menurunkan bahasa mereka kepada anak-anak sebagai generasi muda. Kajian daya hidup bahasa Bisaya yang telah dilakukan oleh para pengkaji tempatan di Sabah setakat ini tidak memberangsangkan. Keprihatinan komuniti bahasa Bisaya sendiri mengenai pemeliharaan bahasa Bisaya menjadi persoalan kajian penyelidikan. Hal ini kerana belum ramai ahli masyarakat Bisaya tahu tentang maklumat semasa daya hidup bahasa etniknya dalam Awan Bahasa (*Language Cloud*) dunia.

Kumpulan UNESCO *Ad Hoc Expert Group* (2003: 2) melaporkan bahawa di seluruh dunia, anggota minoriti etnolinguistik semakin meninggalkan bahasa ibunda mereka dan beralih kepada bahasa lain, termasuk dalam pengasuhan anak dan pendidikan formal. Sesetengah penutur bahasa minoriti mula menganggap bahasa mereka ialah bahasa yang mundur dan tidak praktikal. Pandangan negatif seperti ini sering berkait secara langsung dengan tekanan sosioekonomi daripada masyarakat penutur yang lebih dominan. Berdasarkan laporan Ethnologue (2018: 1), iaitu badan penerbitan rujukan tahunan dalam

cetak dan dalam talian yang menyediakan statistik dan maklumat lain mengenai bahasa-bahasa hidup di dunia, kadar perkembangan literasi bahasa Bisaya di Sabah sebagai bahasa pertama hanya 40% manakala penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan komuniti penutur bahasa itu lebih tinggi sebanyak 70%. Data tersebut memberi tafsiran bahawa bahasa Bisaya terancam akibat kuasa luar seperti penaklukan pendidikan atau disebabkan oleh kuasa dalaman, seperti sikap negatif masyarakat Bisaya terhadap bahasa sendiri yang mereka anggap hanya berfungsi sebagai variasi L (Rendah) dalam situasi tidak formal seperti domain kekeluargaan dan persahabatan, manakala variasi H (Tinggi) ada pada bahasa Melayu yang digunakan dalam situasi formal seperti domain pendidikan. Dalam hal ini, pengkaji seperti Tollefson (2015: 2) membezakan takrifan variasi H (Tinggi) daripada L (Rendah). Hubungan struktur antara variasi H (Tinggi) dan variasi L (Rendah) merujuk kepada pembezaan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa yang lebih dominan jika dibandingkan dengan bahasa Bisaya sebagai salah satu daripada bahasa etnik minoriti di Sabah. Tekanan dalaman fungsi variasi H (Tinggi) yang mempunyai sumber luaran dan berprestij mempengaruhi transmisi bahasa Bisaya antara generasi ibu bapa dengan generasi muda. Semakin ramai generasi muda etnik Bisaya beralih menggunakan bahasa Melayu bagi mengatasi diskriminasi sosial serta meningkatkan mobiliti sosial.

Polisi Dasar Bahasa Kebangsaan di Malaysia meletakkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan rasmi. Peruntukan bagi penggunaan bahasa golongan minoriti peribumi seperti etnik Bisaya mensyaratkan ibu bapa memohon dan perlu ada sekurang-kurangnya lima belas responden untuk membuat kelas bahasa ibunda. Selama bertahun-tahun, hanya bahasa Tamil dan Mandarin dalam dua komuniti bahasa yang bertindak atas peruntukan tersebut. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa kumpulan masyarakat peribumi yang prihatin terhadap apa yang mereka anggap sebagai kemerosotan penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan generasi muda telah memulakan pembangunan bahasa dan program pendidikan bahasa ibunda. Empat kumpulan bahasa minoriti, iaitu Kadazandusun dan Iranun di Sabah, Iban di Sarawak, dan Semai di semenanjung Malaysia kini berada dalam sistem pendidikan formal (Smith, 2010: 52). Walau bagaimanapun, etnik minoriti Bisaya masih belum menyediakan program pendidikan permulaan yang berkaitan dengan bahasa Bisaya untuk anak-anak mereka.

Dalam keadaan komuniti etnik Bisaya yang bertutur dua bahasa sering terdapat campur kod yang menggunakan leksikal dan frasa bahasa Melayu. Beberapa contoh pertuturan campur kod dalam kalangan penutur bahasa Bisaya yang dwibahasa adalah seperti yang berikut:

1. *Miki ampun miki maaf.*
Minta ampun minta maaf.
2. *Lawa monog yunai tatino.*
Lawa betul perempuan itu.

3. Makan *gulu tokow*.
Makan dulu kita.
4. *Paras nyo* sama macam *indunyo*.
Rupa parasnya sama macam ibunya.
5. *Makaduit* keluarga *iro no...*berduit.
Banyak duit keluarga mereka itu.

Contoh campur kod dalam ayat 1 hingga 5 menampakkan gangguan yang disebabkan penyelewengan norma bahasa pertama (bahasa Bisaya) akibat penggunaan norma bahasa kedua (bahasa Melayu). Fenomena campur kod unit bahasa Bisaya dan bahasa Melayu meluaskan gaya bahasa rojak termasuk perkataan, frasa, idiom, ucapan salam, dan lain-lain seumpamanya.

Faktor ekonomi secara tidak langsung meletakkan bahasa Bisaya dalam kedudukan terancam. Banyak penutur bahasa Bisaya cenderung menggunakan bahasa Melayu untuk motif ekonomi seperti mendapatkan pekerjaan sekali gus mata pencarian yang lebih baik. Pengaruh ekonomi amat kuat untuk belajar dan menggunakan bahasa Melayu secara aktif manakala bahasa Bisaya menjadi pasif. Tuntutan hari ini yang memerlukan responden lulus Bahasa Melayu standard di dunia akademik ialah pemacu keras untuk menguasai bahasa itu. Pemacu keras motivasi instrumental ini mendatangkan bahaya terhadap bahasa Bisaya bagaikan titik permulaan kepupusan bahasa itu (Tondo, 2009: 289).

Berdasarkan hasil kajian rintis penyelidik mendapati tahap penguasaan golongan kata bahasa ibunda para responden etnik Bisaya yang dikaji adalah kurang memuaskan dalam kata hubung, kata nafi, kata arah, kata tanya, kata adjektif dan kata keterangan. Walau bagaimanapun, pengumpulan data yang dilakukan oleh penyelidik tidak mengikut tahap penguasaan golongan kata mengikut gender. Pendapat tentang perbezaan kadar pembelajaran atau pemerolehan bahasa antara responden lelaki dan perempuan pernah dijelaskan oleh Innocent (2014: 73). Menurutnya, beberapa pengkaji berpendapat responden lelaki lebih baik dalam mata respondenan sains teras sementara perempuan lebih baik dalam seni liberal terutama bahasa. Kajian untuk menetapkan data komprehensif pendapat tersebut dalam kalangan responden etnik Bisaya di daerah Beaufort, Sabah belum dikaji setakat ini. Dong (2014: 96) pula berpendapat fenomena perbezaan gender dalam bahasa mencerminkan psikologi budaya dan orientasi nilai sosial pengguna bahasa disebabkan tekanan sosial, persekitaran, budaya dan pengalaman keluarga. Gender dan umur yang berbeza menyebabkan kepelbagaian bahasa. Apabila status sosial tradisional berbeza, keadaan minda mereka akan berbeza. Lelaki dan perempuan memainkan peranan yang berbeza dalam masyarakat. Penyertaan mereka dalam aktiviti sosial dan ruang lingkup kegiatan mereka dalam masyarakat juga mempunyai perbezaan yang besar. Semua faktor ini mengakibatkan variasi bahasa mengikut gender.

Ketiadaan indikator kekuatan daya hidup etnolinguistik bahasa Bisaya dengan implikasi kehadiran ciri-ciri peralihan atau kepupusan bahasa bukanlah perkara yang boleh dipandang ringan. Hal ini disebabkan dapatan kajian rintis oleh penyelidik menunjukkan kecenderungan bahasa itu beralih kepada bahasa Melayu. Lebih lanjut, tiada organisasi dalam masyarakat Bisaya di daerah Beaufort, Sabah giat mempertahankan kemerosotan daya hidup bahasa Bisaya, kecuali satu pengumpulan data mengenai jumlah penutur bahasa Bisaya oleh Eberhard et al. (2019) dan satu organisasi dari luar negara yang diberi nama *Joshua Project*. Daya hidup bahasa Bisaya tidak sepenuhnya terkait dengan jumlah penutur sebaliknya kualiti antara kekuatan daya hidup yang positif atau negatif ditambah faktor-faktor lain dalam masyarakat itu sendiri. Semua ini ialah indikator sama ada bahasa Bisaya ada kekuatan daya hidup atau penggunaan bahasa itu semakin merosot. Meskipun begitu, belum ada mana-mana organisasi tempatan mengambil inisiatif untuk mengimplementasikan indikator daya hidup etnolinguistik bahasa Bisaya.

Objektif Kajian

Penyelidik menetapkan empat objektif kajian yang berikut:

1. Mengetahui pasti penggunaan bahasa ibunda dalam domain kekeluargaan, pendidikan dan persahabatan oleh responden etnik Bisaya di daerah Beaufort, Sabah.
2. Menilai daya hidup bahasa Bisaya berdasarkan sembilan kriteria Model UNESCO (2003).
3. Menganalisis tahap pengetahuan kata bahasa ibunda dalam kalangan responden etnik Bisaya yang dikaji mengikut gender.
4. Menghasilkan kerangka etnolinguistik revitalisasi bahasa Bisaya di daerah Beaufort, Sabah.

Persoalan Kajian

1. Berapakah kadar peratus penggunaan bahasa ibunda pada hari biasa oleh responden dalam domain kekeluargaan (rumah) berbanding dengan bahasa Melayu?
2. Maklumat apakah yang dapat dimanfaatkan untuk pemeliharaan bahasa Bisaya berdasarkan sembilan kriteria daya hidup bahasa UNESCO 2003?
3. Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan golongan kata bahasa ibunda mengikut gender dalam kalangan responden etnik Bisaya yang dikaji?

4. Apakah faktor-faktor yang perlu ada dalam kerangka etnolinguistik revitalisasi bahasa Bisaya di daerah Beaufort, Sabah?

Kepentingan Kajian

Kajian ini mendeskripsikan daya hidup bahasa Bisaya di Beaufort, Sabah dalam usaha melindungi bahasa tersebut sebagai salah satu bahasa kaum minoriti di Sabah. Faktor yang paling biasa digunakan dalam menilai daya hidup sesuatu bahasa adalah sama ada atau tidak bahasa tersebut diturunkan daripada satu generasi kepada generasi seterusnya. Menurut pendapat Sallabank (2010: 55), faktor yang paling penting ialah bahasa ibunda masih digunakan dalam domain kekeluargaan dan persahabatan. Faktor ini secara amnya diterima sebagai 'standard emas' daya hidup bahasa dalam *Language shift reversal Theory* (LSRT) dan *Graded Intergenerational Disruption Scale* (GIDS) yang dipelopori Fishman (1991). Berpandukan kerangka teori tersebut, hasil penilaian daya hidup bahasa Bisaya membolehkan penyelidik menghasilkan laporan tentang sebab-musabab bahasa Bisaya terancam dan cadangan mengatasi ancaman tersebut. Pada akhirnya, penutur bahasa Bisaya itu sendiri, bukan orang luar yang mengekalkan atau meninggalkan bahasa ibundanya.

Walaupun telah diketahui bahasa Bisaya dalam tahap 6b (Terancam), belum terdapat program pemeliharaan untuk menyelamatkan bahasa itu daripada kepupusan selain sedikit dokumentasi melalui penyelidikan individu. Dokumentasi berkenaan tidak termasuk usaha yang dibuat oleh SIL (*Summer Institute of Linguistics*) untuk bahasa Bisaya di Sabah. Dengan adanya maklumat mengenai daya hidup bahasa Bisaya, khususnya di daerah Beaufort, Sabah, gambaran yang jelas tentang dua perkara adalah penting: (1) pilihan penggunaan bahasa dalam domain kekeluargaan, pendidikan, dan persahabatan, (2) laporan hasil kaji selidik tentang daya hidup bahasa Bisaya dalam kalangan responden etnik Bisaya yang masih menuntut di menengah atas. Dengan kedua-dua gambaran ini, penyelidik dapat mencadangkan program pemeliharaan bahasa Bisaya di lokasi kajian. Atas sebab ini, penyelidik menggunakan indikator etnolinguistik daya hidup bahasa yang dicadangkan oleh Fishman (1991) dan menggabungkannya dengan penilaian tahap bahasa terancam yang disarankan oleh UNESCO (2003).

Kajian daya hidup bahasa Bisaya penting kerana maklumat yang ada setakat ini tidak mendedahkan fakta bagaimana bahasa yang dominan (bahasa Melayu) dalam suatu kawasan masyarakat seperti di daerah Beaufort mempengaruhi bahasa etnik minoriti. Dalam perspektif kajian ini, penyelidik dapat mengetahui peranan bahasa Melayu dalam kehidupan harian komuniti etnik Bisaya. Menurut pandangan Gufran (2011: 47), kajian daya hidup bahasa juga dapat menunjukkan corak hubungan antara pergerakan penutur dalam kegiatan ekonomi, pendidikan, jenis kerja dalam bidang awam dan skema pemeliharaan bahasa bagi masyarakat penutur bahasa ibunda.

Bagi mengharungi era glocalisasi, satu skema pemeliharaan bahasa Bisaya, khususnya di daerah Beaufort dikemukakan oleh penyelidik berdasarkan data dan fakta sembilan indikator pengukuran etnolinguistik Fishman (1991) dan UNESCO (2003). Sembilan indikator tersebut terdiri daripada (1) Bilangan penutur mutlak, (2) Perkadaran penutur dalam jumlah penduduk, (3) Transmisi bahasa antara generasi, (4) Trend dalam domain bahasa sedia ada, (5) Respons terhadap domain dan media baharu, (6) Ketersediaan bahan untuk pendidikan bahasa dan literasi, (7) Sikap ahli masyarakat terhadap bahasa sendiri, (8) Jenis dan kualiti dokumentasi, dan (9) Sikap dan dasar bahasa kerajaan serta institusi termasuk status rasmi dan penggunaan bahasa Bisaya. Data dan fakta semua indikator dapat menerangkan status daya hidup bahasa Bisaya. Daripada status tersebut, penyelidik merancang penjanaan (revivalisasi) dan pengukuhan (revitalisasi) pendidikan serta bantuan pengukuhan daya hidup bahasa Bisaya. Apabila program revivalisasi dan revitalisasi berjaya dilaksanakan, penutur bahasa Bisaya diharap mengubah persepsi lama terhadap bahasa mereka sebagai bahasa yang mundur dan tidak praktikal. Setelah Bangunan Pusat Kebudayaan dan Kesenian Bisaya di Beaufort siap dibina pada Jun 2019, penyertaan NGO seperti Persatuan Bisaya Bersatu Sabah (PBBS) dalam program-program produk tempatan, kebudayaan dan pelancongan dapat membantu meningkatkan sosioekonomi komuniti etnik Bisaya.

Apabila sesuatu bahasa pupus, hilanglah identiti etnik dan budaya asli etnik tersebut (Bernard 1992; Hale 1998). Pemeliharaan bahasa penting kerana setiap bahasa yang pupus membawa bersamanya sumber pengetahuan tentang kebijaksanaan manusia (Crystal (2000: 58). Pada abad ke 21, masyarakat dunia berfikir secara global, bertindak secara tempatan. Dalam kerangka berfikir secara global, bertindak secara tempatan, terdapat sekurang-kurangnya tiga kelebihan bahasa ibunda dalam mengatasi cabaran, iaitu (1) mengembangkan kemahiran yang diperlukan dalam pembelajaran abad ke-21 (kemahiran membaca kritis, menulis persuasif, pemikiran logik dan nalar), (2) memelihara budaya kumpulan etnik, dan (3) memastikan keadilan bagi ahli-ahli kumpulan bahasa yang tidak dominan. Bahasa ibunda dalam kapasiti tertentu adalah satu cara untuk memecahkan jurang dalam kualiti pendidikan, terutama di kawasan terpencil seperti di Beaufort, Sabah.

Salah satu daripada tujuan penyelidikan ini adalah untuk menentukan perbezaan yang signifikan secara statistik dalam penguasaan golongan kata antara responden lelaki dengan perempuan dalam kalangan etnik Bisaya yang dikaji. Data daripada kajian rintis adalah terhad. Kajian sebenar adalah penting supaya data yang diperolehi merupakan inferens populasi kajian. Perbezaan penggunaan bahasa mengikut gender mempunyai kepentingan akademik dan nilai aplikasi dalam sosiolinguistik. Menurut Dong (2014: 93), perbezaan penggunaan bahasa mengikut gender meluaskan horizon sesuatu penyelidikan, memperdalam pengetahuan penyelidik tentang tabahasa sejagat; pada masa yang sama membantu penyelidik untuk menjelaskan faktor-faktor dalam perubahan perkembangan bahasa. Dari segi struktur bahasa, perbezaan gender mendedahkan hubungan antara gender dan bahasa. Fenomena perbezaan gender dalam bahasa mewujudkan keperluan baharu pengguna bahasa yang berlainan gender berdasarkan sosiobudaya hidup. Perbezaan gender dalam

bahasa boleh dibahagikan kepada perbezaan mutlak dan relatif. Kajian sosiolinguistik memberi tumpuan kepada perbezaan relatif. Secara umumnya, perbezaan relatif bermakna lelaki dan perempuan menunjukkan perbezaan yang signifikan apabila menggunakan bahasa atau dialek yang sama. Biasanya bahasa mereka membentuk variasi gender. Dalam hal sosiolinguistik, kajian perbezaan bahasa mengikut gender membina paradigma penyelidikan gender berdasarkan pola analisis linguistik.

Seterusnya, hasil kajian ini dapat menentukan tahap penguasaan bahasa Bisaya sebagai bahasa ibunda dalam kalangan responden kajian yang terdiri daripada responden menengah atas. Kumpulan dinamik seperti responden di menengah atas dalam komuniti bahasa Bisaya sebenarnya telah keluar dari wilayah tradisional etnik Bisaya. Mereka ialah penutur dwibahasa yang menentukan kuantiti dan kualiti penggunaan bahasa ibunda dalam komunikasi harian. Semakin sering kumpulan ini menyisihkan penggunaan bahasa ibunda mereka dan lebih banyak menggunakan bahasa Melayu semasa komunikasi dengan komuniti bahasa lain kerana motivasi instrumental. Penilaian tahap pengetahuan dan penggunaan bahasa ialah elemen penting dalam dokumentasi dan perancangan bahasa kerana bahasa yang dituturkan setiap hari memaparkan pilihan yang berbeza-beza dalam kalangan penutur asli yang jarang menggunakannya (Grenoble & Whaley, 2006: 3). Penyelidik berpendapat ada keperluan untuk memperoleh maklumat yang berikut:

1. Bahasa Bisaya sebagai bahasa yang terancam dan bahasa Melayu sebagai bahasa dominan (termasuk status bahasa dan tahap yang mendesak untuk rancangan penjanaan dan pengukuhan bahasa ibunda).
2. Aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak tertentu (misalnya, NGO) berkaitan bahasa Bisaya sebagai bahasa yang terancam atau tiada aktiviti telah dilaksanakan setakat ini.

Menurut Romaine (2008:19), kedua-dua perkara tersebut perlu digabungkan supaya memberi manfaat untuk pemeliharaan bahasa ibunda. Bahasa golongan minoriti perlu dipelihara kerana bahasa tersebut merupakan salah-satu sumber semula jadi keadilan sosial dalam negara Malaysia (Norhisham, 1999: 3).

Indikator daya hidup sesuatu bahasa ialah kumpulan faktor-faktor yang telah didokumentasikan dalam literatur sosiolinguistik dan didapati relevan dalam konteks etnolinguistik bahasa Bisaya di daerah Beaufort, Sabah. Indikator tersebut dapat menunjukkan hala tuju masyarakat bahasa Bisaya sama ada cenderung kepada pemeliharaan atau peralihan daripada bahasa ibunda. Pada dasarnya, indikator-indikator ini adalah sebagai bukti yang menunjukkan daya hidup bahasa tersebut. Pemeliharaan dan perubahan bahasa merupakan akibat jangka panjang pola pilihan bahasa yang konsisten oleh semua komuniti penutur (Fasold 1992: 213), dalam konteks ini, sama ada bahasa Bisaya perlu dipertahankan atau tidak adalah berdasarkan jumlah indikator yang positif atau negatif. Jumlah indikator menentukan kontinum kelangsungan hidup bahasa

Bisaya sama ada dalam proses perubahan atau perubahan yang radikal. Sehubungan itu, penyelidik menghasilkan kerangka etnolinguistik revitalisasi bahasa Bisaya adaptasi daripada Indikator Daya Hidup Etnolinguistik (*Indicators Ethnolinguistics Vitality*) yang dipelopori Landweer (2016).

Batasan Kajian

Ruang lingkup batasan kajian ini mencakupi empat objektif kajian, iaitu 1. Mengetahui pasti penggunaan bahasa ibunda dalam domain kekeluargaan oleh responden etnik Bisaya di daerah Beaufort, Sabah; 2. Menilai daya hidup bahasa Bisaya berdasarkan sembilan kriteria Model UNESCO (2003); 3. Menganalisis tahap pengetahuan kata bahasa ibunda dalam kalangan responden etnik Bisaya yang dikaji mengikut gender; 4. Menghasilkan kerangka etnolinguistik revitalisasi bahasa Bisaya di daerah Beaufort, Sabah. Keempat-empat objektif tersebut saling berkaitan dalam usaha pengkaji untuk mendapatkan informasi lengkap tentang daya hidup bahasa Bisaya di daerah Beaufort, Sabah masa kini. Kaedah kajian tinjauan dan kaji selidik disesuaikan dengan maklumat-maklumat dalam Teori Balikkan Peralihan Bahasa (*Language Shift Reversal*) dan Model Tatatingkat Skala Gangguan Intergenerasi (*Graded Intergenerational Disruption Scale*) yang dipelopori oleh Fishman (1991), Model Penilaian Daya Hidup Bahasa (*Language Vitality Assessment Model*) cadangan UNESCO (2003) dan Indikator Daya Hidup Etnolinguistik (*Indicators of Ethnolinguistic Vitality*) yang diperkenalkan oleh Landweer (2016). Penyelidikan dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Beaufort II, Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Klias dan Sekolah Menengah Kebangsaan Gadong yang terletak di kawasan pedalaman negeri Sabah. Ketiga-tiga sekolah ini dipilih kerana majoriti responden terdiri daripada etnik Bisaya dan ibu bapa mereka ialah penduduk asal dari beberapa penempatan di daerah Beaufort. Sebahagian besar penempatan masyarakat Bisaya di Sabah bertumpu di kawasan barat daerah Beaufort di sepanjang Sungai Padas, di selatan Pekan Weston dan di selatan Kuala Penyu (Aminah, 2012: 5). Joshua Project (2019) menetapkan daerah Beaufort di Sabah sebagai kawasan "The Sabah Bisaya of Malaysia". Projek Joshua merupakan inisiatif penyelidikan yang bertujuan untuk mengenal pasti kumpulan etnik di dunia dengan pengikut Kristus paling sedikit. Sebanyak 205 responden etnik Bisaya yang terdiri daripada pelajar menengah atas (90 lelaki dan 115 perempuan) mengambil bahagian dalam penyelidikan bermula pada 21 Mac 2017 hingga 27 Mac 2018.

Definisi Operasional

Daya Hidup Bahasa

Daya hidup bahasa merujuk kepada keupayaan sesuatu bahasa untuk terus hidup atau berkembang (Noriah & Nor Hasimah, 2012: 59). Daya hidup bahasa merujuk kepada 'jumlah dinamisme yang hadir dalam masyarakat linguistik tertentu' (Coluzzi et al., 2017: 139). Menurut pernyataan *SIL International* (2018:

1), daya hidup bahasa menunjukkan sejauh mana bahasa digunakan sebagai alat komunikasi dalam pelbagai konteks sosial untuk tujuan tertentu. Penggunaan harian di rumah ialah indikator yang paling penting untuk daya hidup sesuatu bahasa. Bahasa yang mempunyai daya hidup yang tinggi ialah bahasa yang digunakan secara meluas di dalam dan di luar rumah, oleh semua generasi, dan untuk kebanyakan topik (jika tidak semua). Dalam perkembangan bahasa, kajian tentang daya hidup bahasa adalah penting untuk menentukan kemungkinan bahasa terus digunakan untuk masa yang akan datang. Dengan itu, usaha untuk membangunkan bahasa itu mungkin dapat dikekalkan. Dalam penyelidikan ini, daya hidup bahasa merupakan penelitian terhadap bahasa Bisaya yang ditunjukkan melalui sembilan indikator berikut:

1. Bilangan penutur mutlak
2. Perkadaran penutur dalam jumlah penduduk
3. Transmisi bahasa antara generasi
4. Trend dalam domain bahasa sedia ada
5. Respons terhadap domain dan media baharu
6. Ketersediaan bahan untuk pendidikan bahasa dan literasi
7. Sikap ahli masyarakat terhadap bahasa sendiri
8. Jenis dan kualiti dokumentasi
9. Sikap dan dasar bahasa kerajaan serta institusi termasuk status rasmi dan penggunaan bahasa Bisaya


Bahasa Bisaya

Bahasa Bisaya dalam kajian ini dituturkan oleh masyarakat Bisaya di daerah Beaufort, Sabah. Bahasa Bisaya tergolong dalam keluarga bahasa Borneo Utara (Lewis & Simon, 2009: 16). Menurut keterangan Dunn (1984: 245), etnik Bisaya di Sabah kebanyakannya tinggal di daerah Beaufort dan Kuala Penyu. Dunn menggambarkan lokasi mereka di bahagian tengah dan lembangan sungai-sungai di Sabah yang mengalir ke Teluk Brunei. Kepadatan penduduk Bisaya di Sabah terletak di kawasan barat Pekan Beaufort di sepanjang Padas Damit, Gramma dan selatan Sungai Padas. Terdapat banyak kampung Bisaya di sepanjang Sungai Klias yang bercampur dengan perkampungan orang Dusun. Di pekan Kota Klias sendiri ramai yang menggunakan bahasa Bisaya Brunei. Di Pulau Labuan, penduduk Bisaya berasal daripada beberapa generasi leluhur. Etnik Bisaya ini juga mengaku ada ikatan hubungan dengan Bisaya di Limbang dan Sungai Klias. Hubungan sejarah antara etnik Bisaya di utara-barat Borneo dan kumpulan-kumpulan di Kepulauan Bisayan Filipina tidak jelas, walaupun kewujudan persaudaraan antara orang-orang Borneo dan Filipina adalah fakta yang telah lama diketahui. Majoriti penutur bahasa Bisaya di Sabah tinggal di Daerah Beaufort. Dunn ada mencatatkan persamaan linguistik antara bahasa Bisaya dan Dusun serta mengklasifikasikan Bisaya sebagai ahli keluarga bahasa Idahan.

Satu-satunya kajian klasifikasi leksikostatistik terhadap bahasa Bisaya di daerah Beaufort, Sabah telah diusahakan oleh Smith pada tahun 1984. Bahasa Bisaya (BA) Beaufort dan daerah Kuala Penyu diwakili oleh tujuh perkataan yang

menunjukkan bahasa yang rapat tanpa perbezaan dialek. Senarai perkataan dari Kerukan Kuala Penyu (KP) dipilih sebagai wakil bahasa untuk hubungannya dengan bahasa-bahasa Dusun yang lain. Kaitan kata kognat dari kampung Bisaya dikemukakan pada Rajah 1.2 yang berikut.

Bahasa Tatana (TT) yang dituturkan oleh dua pertiga daripada penduduk Daerah Kuala Penyu (KP) diwakili oleh dua perkataan dari Menunggang KP dan Bundu KP yang mempunyai 83 kata kognat. Bahasa Tatana di Menunggang KP dan Bundu KP kedua-duanya difahami mempunyai hubungan 86 kata kognat yang tinggi dengan perkataan bahasa Bisaya yang diambil di kampung yang sama. Ini menunjukkan bahawa bahasa dua masyarakat itu telah meminjam kata-kata antara satu sama lain. Hubungan kata kognat bagi dua perkataan bahasa Tatana dengan contoh bahasa Bisaya dan dua contoh bahasa Dusun diberikan dalam Rajah 1.2. Dengan menggunakan Bundu KP sebagai wakil, hubungan kata kognat bahasa Bisaya dengan dialek Kadazan Beaufort adalah lebih rendah (Smith, 1984: 28-29).



Rajah 1.2: Hubungan Kata Kognat Tujuh Kampung Bahasa Bisaya, Dua Kampung Bahasa Tatana dan Dua Kampung Dialek Kadazan Beaufort.

(Sumber: Smith, 1984: 29)

(BA = Bisaya; KP = Kuala Penyu; BT = Beaufort; TT = Tatana; KN₃ = "Kadazan" mewakili dialek Kadazan Beaufort)

Etnik Minoriti di Sabah

Kaum Bisaya ialah kelompok yang anggotanya kurang berbanding anggota kelompok dominan atau majoriti di negeri Sabah. Data yang dikemukakan oleh Eberhard et al. (2019: 18), melaporkan bahawa jumlah populasi kaum Bisaya di Sabah adalah kurang daripada 10,000 orang, iaitu bahasa Bisaya dikategorikan sebagai terancam. Bahasa Bisaya merupakan fokus dalam kajian ini. Bahasa Bisaya boleh dikatakan sebagai bahasa minoriti di Malaysia kerana jumlah penuturnya yang sedikit jika dibandingkan dengan bahasa Melayu sebagai bahasa majoriti. Hal ini pernah ditegaskan oleh Asmah (2003) seperti berikut:

All other languages indigenous to South-East Asia can be classified as minority languages. Indonesia, Thailand, Burma, the three Indo-Chinese countries, and the Philippines have many large numbers of them, many occurring in the remote mountainous areas of these countries (Asmah, 2003: 98)

Terjemahan:

Semua bahasa peribumi lain dari Asia Tenggara boleh dikelaskan sebagai bahasa minoriti. Indonesia, Thailand, Burma, tiga negara Indo-China, dan Filipina mempunyai banyak jumlah besar daripadanya, banyak yang terdapat di kawasan pergunungan terpencil di negara-negara ini.

Istilah 'kumpulan etnik minoriti' ialah kategori orang yang bukan keturunan asli dari kumpulan etnik yang dominan dalam sesebuah negara (McMillan, 2006: 21). Kebanyakan lebih daripada 3.5 juta penduduk di Sabah boleh dianggap sebagai etnik minoriti dalam konteks seluruh negara, kerana mereka bukan Melayu. Mereka sama ada orang asli (kira-kira 60 peratus), Cina (kira-kira 9.1 peratus) atau dari kumpulan etnik yang berasal dari selatan Filipina, Indonesia atau bahagian lain di Malaysia. Antara etnik minoriti terbesar ialah Kadazan-Dusun (kira-kira 17.8 peratus), Bajau (14 peratus), dan Murut (3.2 peratus). Kategori etnik minoriti ini ialah kategori yang luas, dengan contoh 13 bahasa utama yang digunakan dalam kumpulan Kadazan-Dusun. Kira-kira 500,000 orang bercakap bahasa dari empat keluarga bahasa peribumi: Bajau, keluarga Dusun, Murut atau Paitan. Sekitar 5.7 peratus ialah etnik Melayu (*World Directory of Minorities and Indigenous Peoples*, 2019). Berdasarkan pendapat Dunn (1984: 246), Bisaya diklasifikasikan sebagai bahasa minoriti dalam keluarga Dusun. Peratus perkongsian angka kognat bahasa Bisaya apabila dibandingkan dengan bahasa lain dalam lingkungan keluarga Dusun adalah sebanyak 54-67. Perbandingan tujuh perkataan bahasa Bisaya dengan bahasa Dusun menunjukkan angka kognat yang tinggi dan didapati tiada perbezaan dialek di antara kampung-kampung yang diwakili oleh perkataan yang dibandingkan di Sabah. Walau bagaimanapun, pendapat Dunn (1984) tidak sejajar dengan satu-satunya kajian klasifikasi leksikostatistik terhadap bahasa Bisaya yang telah dijalankan di daerah Beaufort, Sabah oleh Smith pada tahun 1984.

Senarai sampel perkataan Bisaya yang dituturkan di Sungai Limbawang di Sarawak dan bahasa Visaya Filipina dibandingkan dengan bahasa Bisaya di Sabah. Bisaya Sungai Limbawang ditemui mempunyai 64-68 kognat dengan Bisaya Sabah dan bahasa Binisaya yang dituturkan di Nasuli, di Wilayah Bukidnon Filipina terbukti hanya mempunyai 31-33 kognat dengan Bisaya Sabah (Dunn, 1984: 247).

RUMUSAN

Bab 1 memperkenalkan konsep asas daya hidup bahasa berdasarkan pendapat beberapa sarjana secara umum termasuklah asal usul nama etnik Bisaya di Sabah juga dari aspek bahasa. Antara pernyataan masalah yang dikemukakan oleh pengkaji adalah kurang kesedaran komuniti bahasa Bisaya sendiri mengenai pemertahanan bahasa Bisaya, apa tah lagi mahu mengambil tahu tentang maklumat semasa daya hidup bahasa etniknya dalam Awan Bahasa (*Language Cloud*) dunia.

Terdapat empat objektif kajian dan empat persoalan kajian yang perlu dijawab melalui metodologi yang bersesuaian. Kepentingan kajian ini mendeskripsikan hasil kajian daya hidup bahasa Bisaya di Beaufort, Sabah dalam usaha melindungi bahasa tersebut sebagai salah satu bahasa kaum minoriti di Sabah. Faktor yang paling biasa digunakan dalam menilai daya hidup sesuatu bahasa adalah sama ada atau tidak bahasa tersebut diturunkan daripada satu generasi kepada generasi seterusnya.

Skop kajian penyelidikan ini ialah daya hidup bahasa Bisaya di daerah Beaufort, Sabah. Kaedah kajian tinjauan dan kaji selidik berdasarkan sembilan indikator pengukuran etnolinguistik Fishman (1991) dan UNESCO (2003) dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Beaufort II, Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Klias dan Sekolah Menengah Kebangsaan Gadong. Sebanyak 205 responden etnik Bisaya menengah atas (90 lelaki dan 115 perempuan) dipilih menyertai kajian ini. Sehubungan itu, definisi operasional daya hidup bahasa merujuk kepada keupayaan sesuatu bahasa untuk terus hidup atau berkembang. Bahasa Bisaya dalam kajian ini dituturkan oleh masyarakat Bisaya di daerah Beaufort, Sabah. Bahasa Bisaya tergolong dalam keluarga bahasa Borneo Utara (Lewis & Simon, 2009: 16). Etnik Minoriti di Sabah pula bermaksud kaum Bisaya ialah kelompok yang anggotanya kurang berbanding anggota kelompok dominan atau majoriti di negeri Sabah. Data yang dikemukakan oleh Eberhard et al. (2019: 18), melaporkan bahawa jumlah populasi kaum Bisaya di Sabah adalah kurang daripada 10,000 orang dan bahasa Bisaya dikategorikan sebagai terancam.

BIBLIOGRAFI

- Adam, N. F. B. M., Yusop, M. S., & Makhtar, R. (2018). Bahasa Orang Asli Jahut: Penelitian aspek fonologi dan leksikal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(11): 12-29.
- Aminah Awang Basar. (2012, Januari). Bahasa Bisaya: Mengimbau kajian lampau. Diperoleh daripada <https://www.researchgate.net/publication/297734913>
- Aminah Awang Basar. *Sikap Generasi Muda Terhadap Bahasa Melayu: Senario Di Malaysia, Indonesia dan Negara Brunei Darussalam*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan Pendidikan Memartabatkan Bahasa Melayu (MBM), September 2015.
- Arka, I. W. (2010). Maintaining Vera in Rongga: Struggles over culture, tradition, and language in modern Manggarai, Flores, Indonesia. In Florey, M (Ed.), *Endangered languages of Austronesia*, (pp. 90-109). Oxford: Oxford University Press.
- Arun, Y. (2016). *Maintaining The Heritage Language And Identity: The Case Of The New Diaspora Telugus In London*. PhD Thesis, Anglia Ruskin University, United Kingdom.
- Asmah Haji Omar. (2003). *Language and language situation in Southeast Asia: With a focus on Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brenzinger, M., Dwyer, M.A., de Graaf, T., Grinevald, C., Krauss, M, & Miyaoka, O. (2003). *Language Vitality and Endangerment*. Paris: UNESCO Ad Hoc Expert Group on Endangered Languages.
- Brenzinger, M. (ed.). (1992). *Language death: Factual and theoretical explorations with special reference to east Africa*. (Contributions to the Sociology of Language 64). Berlin: Mouton de Gruyter.
- Bourhis, R. Y., Giles, H., & Rosenthal, D. (1981). Notes on the construction of a 'subjective vitality questionnaire' for ethnolinguistic groups. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 2(2): 145-155.
- Chambers, J. K. (1995). *Sociolinguistic theory: Linguistic variation and its social significance*. Oxford: Blackwell.
- Chan, H. C. (1994). *Language Shift in Taiwan: Social and political deterrents*. PhD Thesis, Georgetown University, United State of America.

- Chong Shin, Hendrikus Mangku, & James T. Collins. (2018). Pemilihan Bahasa Komuniti Penan Muslim di Sarawak. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 18(4): 61-80.
- Coluzzi, P., Riget, P.N., Xiaomei, W. (2013). Language vitality among the Bidayuh of Sarawak (East Malaysia). *Oceanic Linguistics*, 52(2): 375-395.
- Coluzzi, P., Riget, N. P., & Xiaomei. W. (2017). Language vitality among the Orang Asli of Malaysia: the case of the Mah Meri on Telo' Gunjeng (Carey Island, Selangor). *International Journal of the Sociology of Language*, 244: 137-161.
- Crystal, D. (2000). *Language death*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Daisy Paul. (2019). *Daya hidup bahasa Bisaya sebagai bahasa etnik minoriti di Sabah*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Dayang Fatimah binti Hj Awg. Chuchu & Najib Noorashid. (2015). The vitality and revitalisation of minority languages: The Case of Dusun in Brunei Darussalam. *International E-Journal of Advances in Social Sciences*, 1(1): 34-46.
- 2010 population and housing census of Malaysia. (2013). Department of Statistics, Malaysia: Putrajaya.
- Donald E. P. (2005). Language and meaning: Data collection in qualitative research. *Journal of Counseling Psychology*, 52(2):137-145.
- Dressler. (1992). *Language Death*. Oxford: Blackwell.
- Drummond, R. (2010). *Sociolinguistic variation in a second language: The influence of local accent on the pronunciation of non-native English speakers living in Manchester*. PhD Thesis, University of Manchester, United Kingdom.
- Dunn, P. A. (1984). The Bisaya language. In King, J. K. & King, J. W. (Eds.), *Languages of Sabah: A Survey Report*. (pp. 245-250). The Australian National University.
- Dong Jinyu. (2014). Study on gender differences in language under the sociolinguistics. *Canadian Social Science*, 10(3): 92-96.
- Dorian, N. (1986). Proceedings of the twelfth annual meeting of the Berkeley Linguistics Society: *Abrupt transmission failure in obsolescing languages: How sudden the "tip" to the dominant language in communities and families?* Berkeley: Berkeley Linguistics Society.

- Dow, J. R. (1988). Toward an understanding of some subtle stresses on language maintenance among the Old Order Amish of Iowa. *International Journal of the Sociology of Language*, 69: 19-31.
- Dwyer, A. M. (2011). Trace Foundation Lecture Series Proceedings: *Tools and techniques for endangered-language assessment and revitalization*. In *Vitality and Viability of Minority Languages*. New York: Trace Foundation.
- Eberhard, D. M., Gary, F. S., & Charles, D. F. (Eds.), (2019). *Ethnologue: Languages of the World*. Twenty-second edition. Dallas, Texas: SIL International. Online version: <http://www.ethnologue.com>.
- Ethnologue. (2017, May 2). Languages of the world. Bisaya, Sabah. Retrieved from <https://www.ethnologue.com/language/bsy/>
- Ethnologue. (2018, October 18). Languages of the world. Bisaya, Sabah. Retrieved from <https://www.ethnologue.com/language/bsy/>
- Ethnologue. (2019, February 22). Languages of the world. Bisaya, Sabah. Retrieved from <https://www.ethnologue.com/language/bsy/>
- Fasold, R. (1992). *The sociolinguistics of society*. Oxford: Blackwell.
- Fasold, D. (1993). *The discovery of Noah's ark (Documentary)*. Westlake Village, CA: American Media.
- Fishman, J. A. (1971). *Language in sociocultural change*. California: Stanford University Press.
- Fishman, J. A. (1972a). *The sociology of language: An interdisciplinary social science approach to language in society*. Rowley, Massachusetts: Newbury House Publishers.
- Fishman, J. A. (1972a). Domains and The Relationship between Micro-and Macro-Sociolinguistics. In Gumperz, J. J. & Hymes, D. (Eds.), *Directions In Sociolinguistics: The Ethnography of Communication* (pp. 435-453). New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Fishman, J. A. (1972b). *The sociology of language: An interdisciplinary social science approach to language in society*. Rowley, Massachusetts: Newbury House Publishers.
- Fishman, J. A. (1975). *Language and nationalism: Two Integrative essays*. Rowley, MA: Newbury House Publishers.
- Fishman, J. A. (1991). *Reversing language shift: Theoretical and empirical foundations of assistance to threatened languages*. Clevedon, UK: Multilingual matters Ltd.

- Fishman J. A. (1997). Language, Ethnicity and Racism. In Coupland, N. & Jaworski, A. (Eds.), *Sociolinguistics* (pp. 329-340). Palgrave: London.
- Giles, H., Richard, Y., & Donald M. T. (1977). Towards a Theory of Language In Ethnic Group Relations. In Giles, H. (Ed.), *Language, ethnicity and intergroup relations* (pp. 307-348). London: Academic Press.
- Grimes, B.F. (Ed.), (2000). *Ethnologue: Languages of the world*. Dallas, Texas: Summer Institute of Linguistics.
- Grenoble, L. A., & Lindsay, J. W. (2006). *Saving languages: An introduction to language revitalization*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Gufran Ali Ibrahim. (2011). Bahasa terancam punah: Fakta, sebab-musabab, gejala, dan strategi perawatannya. *Linguistik Indonesia*, 29(1): 35 – 52.
- Harian Ekspres. (2019, Oktober 11). Dusunology. *Akhbar Harian Ekspres*, 11.
- Holmes, J. (1997). *An introduction to sociolinguistics*. London: Longman.
- Hotma Simanjuntak. (2017). *Pengekalan dan Peralihan Bahasa dalam kalangan Orang Batak Toba Di Pontianak, Indonesia*. Tesis PhD, Universiti Malaya, Malaysia.
- How Soo Ying, Chan Swee Heng, & Ain Nadzimah Abdullah. (2015). Language vitality of Malaysian languages and Its relation to identity. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 15(2): 119-136.
- Innocent E. A. (2014). Gender and language acquisition. *Research on Humanities and Social Sciences*, 4(19): 73-79.
- Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2014 (2015)*. Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah: Kota Kinabalu.
- Joshua Project. (2019). Bisaya Sabah. Retrieved from <https://joshuaproject.net/languages/bsy>
- Kraemer, K. L. (1991). Introduction. The information systems research challenge. *Survey Research Methods*, 3: 3-57.
- Labrada Rosés, J. E. (2017). Language vitality among the Mako communities of the Ventuari River. *Language Documentation and Conservation*, 11: 10-48.
- Landweer, M. L. (1999). Indicators of ethnolinguistic vitality. SIL International: Retrived from [http:// www.sil.org/sociolx/ndg-lg-indicators-html](http://www.sil.org/sociolx/ndg-lg-indicators-html)
- Landweer, M. L. (2016). Indicators of ethnolinguistic vitality. Review and score sheet. *GIAL Electronic Notes Series (GIALens)*, 10(1): 1-14.

- Lewis, P. M., and Simons, G. F. (2009). Assessing Endangerment: Expanding Fishman's GIDS. *Revue Roumaine de Linguistique*, : 1-30.
- Lewis, P. M. (2010). *The sustainable use model for language development. Linguistics Department Colloquium*. Payap University: Chaing Mai, Thailand.
- Lewis, P. M., & Bonnie, H. (2013). *Introduction to language development*. Unpublished course materials. Dallas: SIL International.
- Lewis, P. M., & Simons, G. F. (2010). Assessing endangerment: Expanding Fishman's GIDS. *Revue Roumaine de Linguistique*, 55: 103-120.
- Lu, L. (1988). *A Survey of Language Attitudes, Language Use and Ethnic Identity in Taiwan*. Master Thesis. Fu Jen Catholic University, Taiwan.
- McMillan, M. K. (2006). *The minority ethnic group experience in Scottish higher education*. PhD Thesis. University of Glasgow, Scotland.
- Mehdi Granhemat & Ain Nadzimah Abdullah. (2017). Gender, Ethnicity, Ethnic Identity, and Language Choices of Malaysian Youths: the Case of the Family Domain. *Advances in Language and Literary Studies*, 8(2): 26-36.
- Milroy, L. (1982). Language and group identity. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 3(3): 207-216.
- Milroy, L. (1987). *Language and social networks*. Oxford: Basil Blackwell.
- Mohammed Azlan Mis. (2012). Lingua franca di Sarawak: Aplikasi teori pilihan bahasa. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 10(2): 97-116.
- Mohd Izham Unnip Abdullah. (2019, Jun 21). BH Online. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/06/576560/pusat-kebudayaan-perkenal-keunikan-etnik-bisaya>
- Mohsen, T., & Reg, D. (2011). Making sense of Cronbach's Alpha. *International Journal of Medical Education*, 2: 53-55
- Myers-Scotton, C. (1987). Code Switching and Types of Multilingual Communities. In Lowenberg, P. H. (Ed.), *Language Spread and Language Policy: Issues, Implications and Case Studies* (Georgetown University Round Table on Languages and Linguistics (pp. 61-82). Washington, D.C.: Georgetown University Press.
- Myers-Scotton, C. (1995). *Social motivations for code switching: evidence from Africa*. Oxford: Clarendon Press.
- Nash, Jeffrey E. (1987). Policy and practice in the American sign language community. *International Journal of the Sociology of Language*, 68: 7-23.

- Noor Aina Dani & Syeril Patrisia Kining. (2016). Impak dialek Melayu Sabah ke atas bahasa ibunda generasi muda etnik Kadazandusun. *International Journal of the Malay World and Civilisation* (Iman), 4(2): 45-55.
- Noor Aina Dani, Norazlina Mohd. Kiram, Mohd. Ariffin Mohd. Arif, Kamarlin Ombi, Roslan Suhailin, Sharil Nizam Sha'ri & Daisy Paul. (2019). Endangered intergenerational language transmission: Evidence from the indigenous Dusun society of Sabah, Malaysia. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 27(1): 1-12.
- Noriah Mohamed & Nor Hashimah Hashim. (2012). Language vitality of the Sihan community in Sarawak, Malaysia. *KEMANUSIAAN*, 19(1): 59-86.
- Nor Hisham Osman. (1999). *Pemeliharaan dan Penyisihan Bahasa: Kajian Kes terhadap Komuniti Minoriti Rajang-Tanjong*. Tesis PhD, University Malaya, Malaysia.
- Obiero, J. O. (2010). From assessing language endangerment or vitality to creating and evaluating language revitalization programmes. *Nordic Journal of African Studies*, 19(4): 201-226.
- Palmer, S. *Language of Work Revisited*. Paper Presented at the Third International Language Assessment Conference, Horsleys Green, England. Jun 1997.
- Rahman, A. R. M., Chan, S. H. & Aina Nadzimah Abdullah. (2008). What determine the choice of language with friends and neighbors? The case of Malaysian University undergraduate. *Language in India*, 8: 1-16.
- Rina Marnita AS. (2011). Pergeseran Bahasa dan Identitas Sosial dalam Masyarakat Minangkabau Kota: Studi Kasus Di Kota Padang. *Jurnal Masyarakat Indonesia*, 36(1): 139-163.
- Romaine, S. (1992). *Language, education, and development: Urban and rural Tok Pisin in Papua New Guinea*. Oxford: Clarendon Press.
- Romaine, S. (1995). *Bilingualism*. Blackwell: Oxford.
- Romaine, S. (2008). Linguistic Diversity, sustainability, and the future of the past. In King, K., Schilling-Estes, N., Fogle, L. & Lou, J. (Eds.), *Sustaining Linguistic Diversity: Endangered and Minority Languages and Language Varieties* (pp. 7-22). Washington, DC: Georgetown University Press.
- Sallabank, J. (2010). *Language endangerment: Problems and solutions*. eSharp, Special Issue: Communicating Change: Representing Self and Community in a Technological World (2010), pp. 50-87.
- Santrol Abdullah. (2016). *Etnolinguistik Bahasa Vaie Di Sarawak, Malaysia*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.

- Sartini, Ni Wayan. (2015). Perilaku bahasa diaspora orang Bali di Jawa Timur: Kajian sosiolinguistik. *KEMBARA: Jurnal Keilmuan Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 1(1): 54-62.
- Saunders, M., Lewis, P., & Thornhill, A. (2012). *Research methods for business students*. 6th edition. United Kingdom: Pearson Education Limited.
- Samuel, B. (1996). *A manual for strategic planning and review for language programs*. Dallas: Summer Institute of Linguistics.
- Saville-Troike, M. (1989). *The ethnography of communication: An introduction*, 2nd ed. Oxford: Basil Blackwell.
- SIL International (2018, May 16). Language Assessment. Retrieved from <https://www.sil.org/language-assessment/language-vitality>
- Siti Aidah Lokin. (2014). Adat Resam dan Pantang Larang Suku Bisaya. Dalam (Panel Penulis), Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah (ms. 76-108). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Simon, G. F., & Charles, D. F. (eds.). (2018). *Ethnologue: Languages of the World*, Twenty-first edition. Dallas, Texas: SIL International. pg.1. Online version: <http://www.ethnologue.com/cloud/bsy>
- Smith, K. D. (1984). The languages of Sabah: A tentative lexicostatistical classification. In King, J. K. & King, J. W. (Eds.), *Languages of Sabah: A survey report* (pp. 1-49). Canberra: Pacific Linguistics.
- Smith, K. J. (2010). Minority language education in Malaysia: Four ethnic communities' experiences. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 6: 52-65.
- Sommer, G. (1992). A Survey On Language Death In Africa. In Brenzinger, M. (Ed.), *Language death: Factual and theoretical explorations with special reference to east Africa* (pp. 301-417). Berlin: Mouton de Gruyter.
- Thomas, M. T., & Erin, D. (2016). *Tai Ya in Thailand Present and Future: Reversing Language Shift*. Research Project. Department Of Linguistics, Faculty Of Arts, Payap University Chiang Mai, Thailand.
- Tollefson, J.W. (2015). Language policy and the meanings of diglossia. *Word*, 34(1): 1-9.
- Tondo, H. F. (2009). Kepunahan bahasa-bahasa daerah: Faktor penyebab dan implikasi etnolinguistik. *Jurnal Masyarakat & Budaya*, 11(2): 277-296.
- UNESCO. (2003). *Language vitality and endangerment*. Retrieved from <http://www.unesco.org/culture/ich/doc/src/00120-EN.pdf>.
- UNESCO. (2011). *Atlas of the world's languages in danger*. Retrieved form <http://www.unesco.org/languages-atlas/>

- UNESCO (2017). A methodology for assessing language vitality and endangerment. Retrieved from <http://www.unesco.org/new/culture/themes/endangered-languages/language-vitality/>
- Wibowo, S.F. (2016). Pemetaan vitalitas bahasa-bahasa daerah di Bengkulu: Pentingnya tolok ukur derajat kepunahan bagi perlindungan bahasa daerah. *Ranah*, 5(2): 139-151.
- Wiktionary. (2013). Malay Swadesh List, Diperoleh dari https://en.wiktionary.org/wiki/Appendix:Malay_Swadesh_list
- Winford, D. (2003). *An introduction to contact linguistics. Language in society*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Yabit Alas. (2019). Tinjauan awal: Revitalisasi bahasa Bisaya di perbatasan Brunei Darussalam dan Limbang, Malaysia. *Jurnal Studi Kultural*, 4(2): 80-86.
- Yamamoto, Akira Y. (1998). *Proceedings of the Second FEL Conference: Retrospect and prospect on new emerging language communities*. Bath: Foundation for Endangered Languages.
- Yin, R. K. (1989). *Case study research design and methods*. Newbury Park, California: Sage.
- Zaharani Ahmad & Teressa Jabar. (2010). Tahap penguasaan bahasa Melayu remaja Malaysia: Analisis aspek tatabahasa. *Jurnal Linguistik Edisi Khas*, 10: 48-62.
- Zuraini Seruji. (2014). *Perubahan Sifat Leksikon Dialek Melayu Sarawak Mengikut Generasi Penutur*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.

BIODATA PELAJAR

Md. Roslan Bin Suhailin ialah pelajar Program Doktor Falsafah (Bahasa Melayu) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor DE. Terdahulu daripada ini, beliau pernah menyambung pengajian di Pusat Pendidikan Lanjutan, Universiti Putra Malaysia dalam Program Master Bahasa Melayu dan bergraduat pada tahun 2012. Pada masa ini Md. Roslan Bin Suhailin bertugas sebagai guru dan memegang jawatan Penolong Kanan Pentadbiran di Sekolah Kebangsaan Gadong, Beaufort, Sabah.

SENARAI PENERBITAN

Noor Aina Dani, Norazlina Mohd. Kiram, Mohd. Arifin Mohd. Arif, Kamarlin Ombi, Roslan Suhailin, Sharil Nizam Sha'ri and Daisy Paul. (2019). Endangered Intergenerational Language Transmission: Evidence from the Indigenous Dusun Society of Sabah, Malaysia. *PERTANIKAJournal of Social Sciences and Humanities*, 27(1): 1-12. SCOPUS

Md. Roslan Suhailin*, Arba'ie Sujud, Rozita Che Rodi dan Sharil Nizam Sha'ri. (2020). Realiti Daya Hidup Bahasa Bisaya Muslim Sebagai Etnik Minoriti di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(7): 82-95.

Md. Roslan Suhailin* dan Arba'ie Sujud. (2020). Gender dan Transmisi Bahasa Antara Generasi dalam kalangan Pelajar Etnik Bisaya Di Beaufort, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 5(35): 107-124.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : Semester Kedua 2019/2020

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

DAYA HIDUP BAHASA BISAYA SEBAGAI BAHASA ETNIK MINORITI DI SABAH

NAMA PELAJAR: MD. ROSLAN BIN SUHAILIN

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan:

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan Oleh:

(Tandatangan Pelajar)

No Kad Pengenalan / No Pasport:
Tarikh:

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)

Nama:
Tarikh:

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit dan terhad.]